

# PENGGONSEPSIAN DAN PEMETAFORAAN “HATI”

*Imran Ho-Abdullah dan Norsimah Mat Awal*

## Abstrak

Organ badan yang dirujuk sebagai jantung lazimnya menjadi sumber emosi dalam pelbagai bahasa, terutamanya bahasa Eropah. Namun, kajian linguistik dan budaya Melayu (Asmah, 1996; Goddard, 2001) mendapati organ dalaman yang paling produktif dari segi ungkapan emosi dalam bukanlah jantung tetapi hati. Makalah ini melihat semula dapatan ini dengan mengkaji polisemi dan pengkonsepsian dan pemetaforaan “hati” serta aktiviti yang berkaitan dengan organ dalaman ini. Kajian ini memberikan satu pencerapan tentang metafora dan peluasan makna yang berlaku dalam penggunaan kata “hati” yang berkait dengan emosi berdasarkan analisis semantik kognitif ala Lakoff. Analisis data korpus menampakkan beberapa kategori pemetaforaan emosi yang berkait dengan hati. Pertama, tingkah laku atau perbuatan yang memberikan kesan kepada hati. Kategori ini melibatkan kata kerja seperti *hiris*, *cengkam*, *gores* dan sebagainya yang menyebabkan atau mengakibatkan kecederaan atau kesakitan kepada “hati”. Kategori kedua berkait rapat dengan kategori pertama, yakni kesan kesakitan dalam hati yang mungkin berpunca daripada perbuatan kategori pertama, atau tindakan dan perbuatan komunikasi. Kesakitan hati mengakibatkan atau mencetuskan emosi seperti marah dan sebagainya. Kategori ketiga melibatkan emosi yang terhasil akibat memiliki hati. Pemilikan hati seseorang ditandai secara linguistik oleh ungkapan seperti *mengambil hati*, *menawan hati*, *menakluk hati*. Selain itu, skema pemetaforaan hati yang ditemui termasuklah hati sebagai bekas buat emosi, hati sebagai tapak semaian emosi, hati sebagai sumber ketakwaan, keazaman, kerohanian dan juga sebagai suara batin naluri insan (*inner self/ consciousness*).

### **Abstract**

*The “heart” has been acknowledged as the seat of emotions in many languages. However, previous studies (Asmah, 1996; Goddard, 2001) have argued that in Malay, the part of the body that is the most productive in terms of emotions is not the heart “jantung” but the liver “hati”. This paper offers an alternative view by exploring various conceptualizations and metaphorization of hati and activities related to this internal organs in Malay. In particular, this paper examines the various metaphorization of emotions in terms of hati [liver] following a Lakoffian type analysis. Our analysis of a Malay corpus reveals several categories of metaphorization of emotions related to “hati”. The first is action that affects the hati. This is represented by action verbs such as hiris [to slice thinly], cengkam [to grip firmly] and gores [to scratch] etc. and the resulting hurt felt by the hati. Secondly, and closely related to the first is illness of the hati (e.g. sakit hati [lit. sick liver]). The illness of the hati results in anger which is caused by various factors such as actions, words etc. The third category is emotion felt as exemplified by possession of hati. The possession of hati is signaled by words such as ambil [take], menawan, menakluk [conquer] as in menawan hati/“win over the heart”. The final type relates to hati “being in charge” of emotions as in ikut hati [lit. follow the liver]. The usage of hati in this category exemplifies the central position of the liver in expressing emotions. Apart from the categories above, the schematic metaphorizations of hati found in the corpus include the container metaphor, hati as the nursery for the seeds of emotion, hati as source of piety, determination, desire and also as the inner voice or inner self and consciousness.*

## **PENDAHULUAN**

Kertas ini meneliti pengkonsepsian dan pemetaforaan yang tercermin dalam ungkapan yang mengandungi kata *hati*. Penelitian data korpus menunjukkan bahawa organ badan ini begitu asas dalam pengkonsepsian emosi, perasaan, kognitif, trait personaliti dan pelbagai konsep lain. Secara khususnya, kertas ini akan menghujahkan bahawa pengkonsepsian hati sebagai sumber emosi dan perasaan ialah pengkonsepsian terikat budaya. Namun demikian, sebenarnya hati bukan sahaja dikonsepsikan sumber emosi, bahkan dikonsepsikan sebagai sumber ketakwaan, iman dan juga menjadi sumber naluri (*instinct*), keazaman, keinginan dan kemahuan. Kajian yang dilakukan

ini berdasarkan satu korpus teks surat khabar, majalah dan buku berjumlah lima juta perkataan yang dihimpunkan daripada arkib teks elektronik di Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebanyak 3682 keberlakuan *hati* dikesan dalam korpus dan dianalisis. Bahagian seterusnya akan membincangkan kosa ilmu yang relevan dengan anggota badan dalam pengkonsepsian, khususnya dari sudut linguistik kognitif. Ini diikuti dengan bahagian utama kertas ini, yakni analisis data *hati* dan perbincangan tentang pengkonsepsian dan pemetaforaan *hati*.

## KERANGKA TEORETIS

Perbincangan tentang peranan yang dimainkan oleh badan (atau jasad) kita dalam pengkonsepsian telah banyak mendapat perhatian penyelidik, khususnya di kalangan ahli linguistik kognitif (Johnson, 1987; Lakoff dan Johnson, 1999). Umumnya, linguistik kognitif menekankan kesinambungan, keberkaitan dan motivasi yang wujud antara pengalaman badaniah (yang bersifat bukan-linguistik) dengan kognisi dan pengkonsepsian yang seterusnya tercermin dalam ungkapan linguistik atau metafora konsepsi.

Sesuatu metafora konsepsi boleh ditakrifkan sebagai mekanisme kognitif yang membolehkan seseorang memahami satu domain konseptual berdasarkan satu domain konseptual yang lain. Domain konseptual pula merupakan satu susunan atau struktur pengalaman yang koheren. (Lakoff dan Johnson, 1980). Dalam hal ini, metafora konsepsi (atau ringkasnya, metafora sahaja) dalam pengertian linguistik kognitif berbeza sekali dengan makna yang didukung oleh kata "metafora" dalam sastera atau ilmu retorik. Dalam kajian bahasa dan sastera, metafora merupakan satu bentuk bahasa bukan harfiah, satu *trope* retorik yang ditakrif sebagai perbandingan langsung antara dua subjek yang pada zahirnya seperti tiada kaitan. Jadi, metafora menurut pengertian ini merupakan satu peranti sastera (*literary device*), terutamanya bahasa berbunga dan estetik. Sebaliknya, dalam linguistik kognitif, metafora konsepsi merupakan satu konsep teras dalam keupayaan manusia berbahasa, khususnya memberikan makna kepada bahasa. Metafora konsepsi memainkan satu fungsi kognitif yang asas, yakni fungsi pengkonsepsian. Tambahan lagi, menurut teori metafora klasik, metafora sebagai peranti sastera jarang digunakan dalam bahasa biasa harian. Teori ini ternyata salah dan sangat terbatas serta sempit bagi kajian metafora. Sebaliknya, dalam teori kontemporari metafora (seperti teori linguistik kognitif), metafora tidak terbatas kepada bahasa sastera tetapi juga amat kerap dan lazim dalam penggunaan bahasa sehari-hari. Sesuatu ungkapan

linguistik yang metaforikal merupakan satu keberlakuan (*an instance of*) satu metafora konsepsi yang melakukan pemetaan antar-domain pengetahuan yang mana satu domain dikonsepsikan berdasarkan yang lain. Domain pengetahuan di mana ungkapan metaforikal disandarkan dikenali sebagai domain sumber, manakala domain konsepsi yang hendak difahami disebut sebagai domain sasaran. Memandangkan sesuatu metafora konsepsi mengandungi dua domain konsepsi atau domain pengetahuan, domain sumber berfungsi memberikan makna kepada domain sasaran, maka ungkapan linguistik metaforikal lazimnya terdiri daripada kata atau ungkapan daripada domain sumber yang lebih konkrit. Metafora konsepsi pula melatari ungkapan metaforikal. Sebagai contoh, ungkapan metaforikal seperti “masa hadapan”, iaitu konsep abstrak masa (sasaran) diberikan orientasi ruang fizikal yang lebih konkrit merupakan satu metafora konsepsi yang asas. Metafora konsepsi ini juga berfungsi dalam ungkapan seperti “masa kosong”; “selang masa”. Mungkin juga terdapat metafora konsepsi lain yang digunakan untuk memahami masa selain domain sumber ruang fizikal. Umpamanya, domain entiti atau benda berharga sering digunakan untuk mengkonsepsikan bahasa seperti dalam ungkapan “jangan buang / bazir masa” dan sebagainya.

## **PERANAN BADAN DAN ANGGOTA BADAN DALAM PENGKONSEPSIAN DAN PEMETAFORAAN**

Ahli linguistik kognitif rata-rata bersetuju bahawa badan dan anggota badan berfungsi sebagai salah satu domain sumber utama dalam pemetaan metaforikal dan konseptual (Kövecses, 2000). Hal ini sedemikian, kerana melalui badannya, manusia mengalami dan berinteraksi dengan sekitaran kita. Oleh yang demikian, pemahaman kita tentang sekitaran dan dunia kita juga dicorak melalui pengalaman badannya itu. Maka tidaklah hairan dalam pembentukan metafora, anggota dan organ badan (manusia) merupakan salah satu domain sumber asas kepada pembentukan metafora secara sejagat (Asmah Haji Omar, 1996:8).

Persoalan seterusnya adalah sama ada semua bahasa dan semua budaya menggunakan bahagian anggota badan yang serupa untuk pengkonsepsian dan pemetaforaan yang sama, dan oleh itu pengkonsepsian anggota badan spesifik juga bersifat sejagat. Dalam hal ini, kebanyakan kajian yang dilakukan itu berpendapat bahawa pengkonsepsian dan pemetaforaan badan dipengaruhi dan berinteraksi dengan budaya masyarakat (Asmah, 1996; Gibbs, 1999; Yu, 2003, 2002). Gibbs (1999) berpendapat bahawa metafora terkandung (*embodied*

*metaphor*) berbangkit bukan hanya daripada badan sahaja dan direpresentasikan dalam minda individu, tetapi berbangkit daripada interaksi badaniah yang sebahagian besar dipengaruhi oleh budaya. Yu (2003:29) pula berpendapat bahawa metafora konsepsi dalam domain anggota dan organ badan lazimnya diterbitkan berdasarkan pengalaman badaniah sejagat. Namun, akan wujud juga metafora konsepsi yang spesifik kepada sesuatu budaya sahaja kerana model budaya akan menapis pengalaman untuk domain sasaran berdasarkan acuan yang mungkin khusus kepada budaya tersebut. Secara umumnya, Kövecses (1999) juga bersetuju bahawa pengkonsepsian badan, jasad dan anggota badan sebahagian besarnya mungkin pengkonsepsian spesifik-budaya dengan sesetengah struktur konseptual seperti kategori, skema, metafora yang digunakan berada pada peringkat sejagat.

Ini bererti dari segi konsep anggota badan, budaya yang berbeza mungkin mengkategorikan bahagian dan organ anggota badan secara berbeza. Dalam bahasa Farsi, umpamanya, kata *paa* merujuk kepada bahagian badan yang meliputi “kaki” dan “tapak kaki” sekali gus – berbeza dengan bahasa Inggeris yang memerlukan dua kata “*leg*” dan “*foot*”. Budaya dan masyarakat yang berbeza mungkin mempunyai skema yang berbeza berkaitan dengan setiap anggota badan. Oleh itu, budaya yang berlainan mungkin mengaitkan fungsi yang berbeza dengan anggota badan yang berlainan dan mungkin juga mempunyai kepercayaan yang berlainan tentang sesuatu bahagian anggota badan. Ini dikenali sebagai “pengkonsepsian terikat budaya” atau *cultural conceptualisation* yang maksud khususnya berdasarkan *folk semantics* atau semantik budaya masyarakat memainkan peranan penting dalam pengkonsepsian dan pengkategorian. Misalannya, Sharifian (2005) menyatakan bahawa bagi masyarakat Warlpiri dan Kukatja yang tinggal di gurun Tanami di Australia, bahagian kerongkong (*waninja*) memprofilkan skema yang berkaitan dengan cinta dan daya tarikan seksual. Yu (2003:14) pula mencatatkan bahawa dalam bidang perubatan tradisional Cina, pundi hempedu dikonsepsikan sebagai organ yang berfungsi membuat keputusan (yang melibatkan kedua-dua proses mental dan fizikal) dan juga sumber kekuatan dan keberanian seseorang. Oleh yang demikian, banyak ungkapan linguistik dalam bahasa Cina memprofilkan skema pundi hempedu sebagai bekas mengisi keberanian.

Pengkonsepsian terikat budaya tentang badan dan anggota badan sememangnya berubah mengikut zaman. Secara umumnya, dalam budaya Indo-Eropah, secara tradisional, organ bahagian abdomen seperti usus, perut dan hempedu dianggap sebagai punca emosi (Sharifian, 2005). Namun dengan peredaran masa, pengkonsepsian ini berubah. Perubahan ini mungkin kerana penemuan pengetahuan baharu tentang anatomi manusia dan emosi

dikatakan berpunca di bahagian atas daripada abdomen seperti jantung, kepala dan juga otak. Dalam budaya Inggeris, jantung manusia dianggap sebagai sumber pengkonsepsian emosi. Namun begitu, asal usul kata *heart* ialah *heort* yang secara harfiah merujuk kepada bahagian pertengahan dalaman penting berdekatan dengan perut. (*Oxford Dictionary of English Etymology*, 1983). Kemungkinan besar, kata “*heort*” telah mengalami evolusi dan perubahan semantik sehinggakan *heort* membawa erti organ fizikal yang mengawal peredaran darah, yakni jantung. Keseluruhannya, pengkonsepsian badan dan anggota badan mengalami perubahan tentang denotasi dan fungsi yang diberikan kepada anggota badan tersebut.

Satu aspek pengkonsepsian antar-budaya yang berbeza-beza tentang anggota dan organ badan ialah skema-imej yang digunakan untuk mengkonsepsikan anggota atau organ tersebut. Jager (2001) mendapati bahawa salah satu imej utama dan asas yang dikaitkan secara tradisional dengan jantung dalam budaya Barat ialah skema JANTUNG ITU SEBUAH BUKU. Dua perkara penting tentang budaya yang terpaksa dalam skema ini ialah pertamanya, jantung itu mempunyai peranan untuk merekodkan dan merakam memori, pengalaman dan pemikiran, apa pun maksud harfiah jantung pada masa itu. Keduanya, “buku” boleh dikaitkan dengan literasi, dan menduduki tempat yang penting dalam budaya masyarakat yang mengkonsepsikan jantung sebagai buku. Metafora konsepsi JANTUNG ITU BUKU amat produktif pada zaman feudalisme dan sepanjang kurun ke-5 hinggalah kurun ke-15 kerana kedudukan kitab Injil dianggap “jantung” kepada agama, psikologi, sastera dan kemanusiaan di benua Eropah. Berdasarkan perbincangan di atas, jelas bahawa pengkonsepsian anggota dan organ badan tidak hanya dipengaruhi oleh perbezaan antar-budaya dan antar-masyarakat tetapi boleh juga berubah mengikut masa dan perubahan budaya dan pengetahuan dalam sesuatu masyarakat. Berdasarkan teori linguistik kognitif, khususnya konsep (a) keterkaitan pengalaman antara badan dengan pengkonsepsian serta (b) pengkonsepsian terikat budaya, bahagian seterusnya akan menganalisis organ badan *hati*, yang memainkan peranan penting dalam bahasa dan masyarakat budaya Melayu. Asmah (1996:7–25) dalam kajian beliau tentang metafora dan anatomi sudah menjelaskan bahawa emosi dan perasaan banyak dipusatkan pada *hati*.

## HATI BUKAN HATI TETAPI KALBU

Menurut Asmah (1996), *hati* menduduki satu kedudukan penting dalam *world-view* Melayu sebagai satu simbol yang mengikat atau menyatukan

keseluruhan badan manusia. Hati menjadi fakulti utama yang mengurus serta mentadbir bahagian lain anggota badan. Jika hati ini “sakit”, maka kemungkinan besar keseluruhan badan akan turut menerima akibatnya. Mengapakah hati diberikan peranan ini? Siahaan (2005) berpendapat bahawa penggunaan *hati* dalam bahasa Indonesia (yang mempunyai fungsi yang serupa dengan hati dalam bahasa Melayu) boleh dikaitkan dengan amalan etnik masyarakat peribumi (pra-Islam). Dalam masyarakat Sumba, misalnya haiwan dikorbankan dan hati haiwan tersebut diperiksa atau “dibaca” untuk mendapatkan mesej dan “pengetahuan” daripada roh mereka yang sudah meninggal tentang tilikan dan masa depan. Amalan ini juga dilihat sebagai satu cara berkomunikasi dengan roh dan dewa mereka. Konsep dan amalan membaca hati haiwan yang dikorbankan, serta kaitan amalan ini dengan “roh hidup” mereka yang sudah meninggal berkait dengan pengkonsepsian hati sebagai sumber emosi dan perasaan dan juga sumber keazaman dan kerohanian. Penjelasan sebegini juga pernah dicadangkan Asmah (1996). (Namun, kemungkinan besar penutur natif tidak mencapai skema sebegini dalam pemprosesan makna *hati*.)

Maniyamin (1998) memberikan satu lagi penjelasan tentang mengapa *hati* dikaitkan dengan emosi manusia. Menurut Maniyamin, *world view* Melayu tentang *hati* mempunyai kaitan dengan ajaran Islam yang dianuti mereka. Beliau telah merujuk kepada *Surah al-A'raf*, ayat 179 dan al-Baqarah ayat 7 yang kedua-duanya menyebut tentang (quluubun) sebagai sumber akal penaakulan dan tindak-tanduk manusia. Dalam terjemahan ayat ini, sering kali kata *hati* digunakan sebagai terjemahan untuk (quluubun). Maka berdasarkan terjemahan, *hati* dilihat sebagai sumber penting untuk memahami perasaan dan tindak-tanduk manusia. Namun, penjelasan Maniyamin ini mungkin tidak begitu tepat. Ini kerana kata asal dalam bahasa Arab, (quluubun) merujuk kepada organ jantung (*qalb*) yang diterjemahkan sebagai *heart* dalam terjemahan Inggeris tetapi *hati* dalam terjemahan Melayu). Maka, hujah dan penjelasan bahawa penggunaan organ *hati* (dan bukan *jantung*) sebagai yang mengawal tindakan dan kefahaman manusia menjadi titik tolak kepada kepercayaan agama tidaklah begitu kukuh.

Apakah penjelasan alternatif yang dapat menerangkan mengapa organ ini begitu ketara dan dominan dalam ungkapan tentang emosi dalam bahasa Melayu? *Kamus Dewan* menyenaraikan enam (6) sensa untuk kata hati (lihat Jadual 1). Analisis korpus yang dilakukan dalam kajian ini mendapati bahawa penggunaan *hati* dalam banyak hal bukanlah merujuk kepada sensa 1, yakni organ badan yang berwarna perang kemerah-merahan terletak di

dalam perut di bahagian sebelah kanan abdomen. Dengan kata lain, takrif anatomi *hati* yang merujuk kepada organ dalaman yang berfungsi untuk mengawal aras gula dalam darah sebagai sumber emosi dan perasaan mungkin satu kekeliruan. Ini kerana dalam pengkosepsian terikat budaya dan *folk semantics* Melayu, *hati* boleh mendenotasikan bahagian atau organ badan yang kedudukannya sama dengan jantung (*sensa 2*). Hujah ini mendapat sokongan linguistik dari segi penggunaan *hati* bersama-sama dengan kata seperti *berdebar*, *berdenyut* yang merupakan ciri organ jantung.

1. Dengan *hati* yang *berdebar-debar*, Ardavan kembali ke istana.
2. *Hati* saya *berdenyut* begitu kuat sekali apabila mendapati perempuan itu tidak mempunyai muka.

Tambahan dalam bahasa Melayu kata pinjaman *kalbu* yang berasal dari *qalb* juga merujuk ke organ dalaman yang sinonim sebagai *hati* dan ditakrif sebagai pusat segala perasaan batin (lihat *Kamus Dewan*, hlm.564) Dengan erti kata lain, kekerapan penggunaan kata *hati*, kemungkinan besar tidak sebenarnya merujuk kepada *hati* sebagai organ yang mengeluarkan jus hempedu tetapi sebenarnya merujuk kepada *kalbu* atau jantung dalam semantik budaya Melayu. Hujah ini disokong juga oleh gerak isyarat penutur dalam ungkapan *hati ke hati* yang kelazimannya meletakkan tangan pada paras dada (kedudukan jantung) dan bukannya bahagian yang dekat dengan perut atau abdomen di tempat sebenarnya *hati* terletak.

Dari segi sistem perubatan tradisional Melayu – Islam yang berdasarkan konsep perubatan Ibnu Sina, organ badan seperti jantung dan *hati* merupakan organ utama yang memainkan peranan terpenting dalam badan manusia. Organ ini juga ialah tempat letaknya batin (*roh*) dan punca '*psyche*' dan kerohanian. Dalam teori Ibnu Sina (<http://www.muslimphilosophy.com/sina/default.htm>), personaliti dan sifat manusia amat tertakluk kepada kandungan humor dalam badan seseorang. Hempedu (yang dihasilkan dalam *hati*) dikaitkan dengan keberanian dan ketekadan. Dalam hal bercinta juga amat perlu ada keberanian ini. Begitu juga sikap bersabar dikaitkan dengan *hati* dan dapat dilihat dalam peribahasa *sejuk hati*. Ibnu Sina juga mengaitkan kefahaman dengan *jantung hati*. Satu lagi penjelasan mengapa *hati* menjadi sumber emosi dan perasaan dalam sistem kepercayaan perubatan Melayu – Islam berkait dengan *world view* yang menganggap *hati* sebagai sebahagian daripada *psyche* dan *roh* dalaman (*inner self*) yang mampu melihat kebenaran yang tersirat. Maka ungkapan seperti *busuk hati*, *baik hati* merujuk kepada perangai atau tingkah laku seseorang. Begitu juga mereka yang bersifat dengki, cemburu dan berhasrat dengki boleh dianggap sebagai



mempunyai *hati* yang busuk manakala mereka yang bersifat pemurah, beramal jariah, dan suka membantu orang lain dianggap *baik hati* atau mempunyai *hati yang baik*. Maka *hati* dapat dikaitkan dengan personaliti dan sifat dalaman seseorang dan juga kehendak duniawi serta nafsu (*ikut hati, suka hati*) yang mungkin menghalang seseorang daripada melihat kebenaran dan mengamalkan kebaikan. Dalam hal ini, *hati* bukan lagi merujuk kepada organ dalaman tetapi kepada aspek batin dan kerohanian (yakni, sensa 3 dalam *Kamus Dewan*). Perkaitan antara ketiga-tiga sensa ini pula boleh dijelaskan dari segi teori semantik kognitif sebagai peluasan makna berdasarkan pengkonsepsian terikat budaya dan pemetaforaan.

**Jadual 1** Entri kata *hati* dalam *Kamus Dewan* (hlm.45).

<b><i>hati</i> I</b>	<p>1. organ dlm badan yg berwarna perang kemerah-merahan terletak di dlm perut di bahagian sebelah kanan (tugasnya mengeluarkan hempedu, mengawal kandungan gula dlm darah, menawarkan kesan keracunan nitrogen, menghasilkan urea, menyimpan glikogen): <i>jantung</i>, ~, <i>limpa</i>, dll <i>mengandungi zat galian dan vitamin</i>; ~ <i>kambing</i>; ~ <i>lembu</i>; 2. = <i>jantung</i> ~ <i>jantung</i>: tidak ada yg menarik perhatiannya selain drpd berita yg mendebarkan ~nya; 3. batin (tempat perasaan, pengertian, dll): <i>rupanya sahaja cantik tetapi ~nya buruk</i>; <i>susah ~nya melihat tingkah laku anaknya</i>; <i>terbit dr ~ yg ikhlas</i>; ~ <i>muda</i> rasa muda dlm <i>hati</i>; <i>bercakap (membaca) dlm ~ bercakap (membaca) dgn tidak mengeluarkan suara (dlm batin sahaja)</i>; <i>dlm ~ dlm batin, dlm jiwa</i>; <i>dr ~ ke ~ secara ikhlas (jujur)</i>; <i>ikut(kan) ~ mati turut(kan) nafsu (perasaan) membawa kebinasaan</i>; <i>jatuh ~ jatuh cinta, berkenan</i>; <i>jauh ~ = kecil ~ = merajuk ~ merasa tersinggung</i>; <i>kata ~ kata yg terbit dlm batin</i>; <i>kecut ~ merasa takut (bimbang dll)</i>; <i>lubuk ~ a</i>) perasaan <i>hati</i> yg dalam, b) bawah sedar; <i>makan ~ (berulam jantung) menderita kerana perbuatan orang lain yg menyakitkan hati</i>; <i>maksud ~ tujuan</i>; <i>melepaskan ~ menurutkan hawa nafsu</i>; <i>rasa ~ perasaan batin</i>; <i>terang ~ mudah mengerti</i>; 4. bahagian tengah buah-buahan (pokok dll): ~ <i>nanas</i>; ~ <i>kayu</i>;</p>
----------------------	--

Dalam kerangka semantik kognitif, *hati* yang merujuk kepada dua organ yang begitu penting untuk kesihatan dan kelangsungan hidup, yakni *hati dan jantung*, dan kaitan organ ini dengan unsur kerohanian (batin) sudah pasti akan merupakan satu domain sumber yang asas untuk pemetaan konseptual. Hal ini kerana *hati* (organ dan juga batin) menjadi pengantara utama dalam interaksi kita dengan dunia, dan oleh itu kefahaman tentang

konsep seperti emosi, perasaan, ketakwaan, keazaman, keinginan dan sebagainya merupakan hasil interaksi dengan *hati* kita. Bagaimana harus kita menangani penghuraian polisemi dan perluasan makna *hati* hasil pengkonsepsian dan pemetaforaan organ yang begitu kaya?

## “HATI” SEBAGAI SUMBER ATAU PUNCA PERASAAN DAN EMOSI

Kata kerja sering digunakan untuk memprofilkan skema *hati* sebagai sumber emosi dan perasaan. Ini termasuklah *jatuh hati*, *(men)cuit hati*, *menawan hati*, *memiliki hati*, *menarik hati*, *memenangi hati* dan sebagainya. Dalam hal *menawan hati* dan *memenangi hati* seseorang merujuk kepada tingkah laku atau perbuatan yang bertujuan untuk memikat seseorang. Orang yang demam cinta dan sudah mempunyai tarikan emosional dan perasaan kasih sayang kepada seseorang pula boleh dikatakan sudah *tertawan hati* dan *terpikat hati* mereka atau sudah *menyerahkan hati* mereka kepada kekasih mereka. Pengkonsepsian *hati* sebagai sumber perasaan dan emosi amatlah bergantung pada jenis tindakan (kata kerja) ke atas *hati*. Tindakan yang berbeza menghasilkan perasaan dan emosi yang berlainan. Namun seperti yang dibincangkan di atas, pelbagai tindakan yang berbeza mungkin juga menghasilkan satu emosi yang sama, khususnya cinta.

**Jadual 2** Perasaan/emosi yang terhasil daripada tindakan ke atas *hati*.

Kata kerja + <i>hati</i>	Perasaan / Emosi
memikat <i>hati</i>	cinta
memenangi <i>hati</i>	cinta
memiliki <i>hati</i>	cinta
mendapat tempat dalam <i>hati</i>	cinta
menghibur <i>hati</i>	suka
menarik <i>hati</i>	suka
membawa <i>hati</i>	marah, merajuk
membersihkan <i>hati</i>	buang niat tidak baik
meruntun <i>hati</i>	kesedihan
mencengkam <i>hati</i>	kepahitan, kesedihan
menggores <i>hati</i>	kepahitan, kesedihan
melukakan <i>hati</i>	kesedihan
mendesak <i>hati</i>	tertekan untuk bertindak
menyakitkan <i>hati</i>	kesedihan

Sesuatu perbuatan dan tindakan yang menyebabkan penentangan emosional dan hilangnya kasih sayang antara dua insan dikaitkan dengan tindakan melakukan sesuatu ke atas *hati* yang membawa luka atau cedera kepada hati seperti *menggores hati*, *melukakan hati*, *menghiris hati*, *patah hati*, *membakar hati*. Perbuatan yang mendatangkan kecederaan kepada hati lazimnya membawa perasaan atau emosi negatif seperti duka dan marah. Perbuatan ini menyebabkan hati sakit atau menyakitkan hati dan seseorang itu sakit hati akibat kesan sesuatu perbuatan atau tingkah laku.

Kata kerja lain yang berkolokasi dengan hati yang lazim dalam korpus yang dikaji adalah seperti *mendekati hati* dan *membuka hati*. *Mendekatkan hati* boleh membawa maksud “cuba mengenali dengan lebih dekat atau mencintai sesuatu” seperti ayat di bawah:

3. Khatijah yang prihatin terhadap nasib Salina dengan *mendekati hati* dan perasaannya sehingga wujud hubungan persaudaraan yang erat.

Begitu juga jika kita *membuka hati* kepada sesuatu atau seseorang membawa makna kita mempercayai dan bersedia untuk menerima sesuatu dengan positif.

4. Daripada pertemuan yang singkat ini telah *membuka hati* Abdullah Faroff untuk mengenali Tun Zurita dengan lebih dekat lagi.

Bermacam-macam lagi jenis perasaan dan emosi boleh dikonsepsikan berdasarkan kata kerja atau tingkah laku hati. Dalam ayat (5), hati yang *membungkam* mengkonsepsikan perasaan marah sementara *memenangi* hati dalam ayat (6) mengkonsepsikan perasaan yakin dan percaya oleh pihak yang hati mereka sudah “dimenangi” oleh pihak Amerika.

5. Dengan *hati yang mula membungkam*, pemandu bas terpaksa bersusah payah sekali menukar tayar tersebut.
6. Menggunakan kelebihan teknologi, Amerika berjaya *memenangi hati* negara-negara Arab Teluk.

Kebolehan untuk meyakinkan orang lain dan membuat mereka suka akan sesuatu boleh diungkapkan sebagai *mengambil hati* seseorang seperti dalam ayat (7):

7. Petua yang dipakai untuk *mengambil hati* pelanggan mudah sahaja. Pertama, sebagai penjual, kita kena ramah.

Sebaliknya, menghilangkan atau mengurangkan keyakinan, keper-

cayaan atau kasih sayang seseorang ibarat *menghancurkan* hati orang tersebut:

8. Biasanya sikap kedinginan dan permusuhan ini disebabkan oleh pengalaman-pengalaman yang telah melukakan dan menghancurkan hati individu tersebut.

Ternyata, *hati* dikonsepsikan sebagai tempat berpuncanya pelbagai emosi dan perasaan berdasarkan apa yang dilakukan terhadap *hati*. Selain cinta atau kasih sayang, *hati* juga memprofilkan skema yang berkaitan dengan pelbagai jenis perasaan dan emosi. Contohnya, *membungkam* hati merujuk kepada kemarahan. *Menenteramkan* *hati* bermaksud meredakan kekhuatiran atau kemarahan dan perasaan tidak senang. Kesedihan dan kemarahan sering dikonsepsikan akibat kegiatan yang *mencederakan* *hati*, *meracuni* *hati*, *mencengkam* *hati* dan yang *menyayat* *hati*. Pengkonsepsian yang berkaitan dengan *menyucikan* *hati* dan *menjinakkan* *hati* pula merujuk kepada emosi dan perasaan tenang.

*Hati* juga mampu bertindak dan melakukan sesuatu yang mempunyai kesan dan akibat emosional. Contoh dalam korpus termasuklah *berpuasa* *hati* yang membawa makna untuk menghindari perasaan bangga diri dan sombong. Sesuatu yang *lahir dari* *hati* adalah ikhlas dan sesuatu yang menjadi *idaman* *hati* adalah sesuatu yang menjadi keinginan. Ungkapan yang kerap ditemui dalam korpus seperti *ikut(kan)* *hati* dan *ikut* *suka* *hati* mengkonsepsikan kelakuan berdasarkan nafsu, kemahuan dan keinginan seseorang dan tidak semestinya rasional. *Hati* juga mampu melakukan tindakan yang menyamai tindakan alam semula jadi – *hati bergelora* seperti juga ombak bergelora yang membawa maksud gelisah. Konsep mencapai kesepakatan seperti integrasi dan harmoni memerlukan manusia *bersatu* *hati*.

## PEMETAFORAAN HATI

### 1. Keadaan Fizikal Hati Itu Emosi yang Berbeza

Keadaan fizikal seperti bentuk dan sifat hati juga memungkinkan pengkonsepsian yang dikaitkan dengan emosi dan perasaan. Ungkapan dan peribahasa yang berkait dengan keadaan fizikal hati begitu lazim dalam korpus. Jadual 3 di bawah memperlihatkan beberapa peribahasa berkaitan dengan pelbagai keadaan fizikal hati yang ditemui dalam korpus kajian.

**Jadual 3** Peribahasa yang berkaitan dengan keadaan fizikal hati.

Ciri fizikal	Emosi / Perasaan
kecil hati	sedih, terluka perasaan
besar hati	suka, syukur,
sejuk hati	puas, selesa
panas hati	marah
keras hati	degil
tawar hati	putus asa
hati batu	degil
bulat hati	sepakat
cair hati	tidak marah, tenang
lembut hati	pengasih, baik

## 2. Hati Itu Bekas/Bilik bagi Emosi; Hati Itu Satu Ruang bagi Emosi

Selain menjadi punca emosi, hati boleh juga dikonsepsikan melalui metafora konsepsi sebagai sebuah bekas berisi emosi. Sebagai sebuah bekas, hati itu setentunya mempunyai ruang dalam tiga dimensi. Pemetaforaan bekas dan ruang dilihat dalam ungkapan seperti *lubuk hati* atau sebagai bilik untuk menyimpan doa:

9. Susunan doa bertimbun dalam bilik hati dan ingatannya.

Pelbagai emosi dikatakan berada *dalam hati*. Sebagai sebuah bekas yang mengandungi ruang fizikal, ungkapan seperti *jauh di hati*, *dekat di hati*, *berada di hati* merupakan manifestasi metafora konsepsi hati dalam ruang fizikal. Maka, ruang ini setentunya boleh ditutup dan dibuka:

10. Daripada pertemuan yang singkat ini telah *membuka hati* Abdullah Faroff untuk mengenali Tun Zurita dengan lebih dekat lagi.

Hati sebagai satu ruang sudah tentunya mempunyai sempadan, jika sempadan itu luas dan ruang itu besar maka perasaan dan sikap yang timbul adalah ketenangan dan keterbukaan seperti ayat (11). Begitu *mendapat tempat* dalam ruang fizikal (12) bererti kita dicintai atau mendapat sanjungan:

11. Mereka pulang dengan *hati yang lapang*.

12. Album terbaru mereka Slam-Unplugged juga sedang *mendapat tempat* di hati peminat negara jiran itu.

Bertitik tolak daripada bentuk fizikal, ungkapan *dari sudut hati* mengkonsepsikan hati sebagai satu ruang yang mempunyai sudut mencadangkan bahawa satu imej skema hati itu sebuah bekas atau bilik dengan ruang dalaman. Ungkapan ini boleh digunakan untuk menyatakan hasrat atau perasaan sebenarnya seseorang:

13. Jauh di sudut hatinya, Umda bukanlah seorang lagi gadis yang periang.

Hati juga boleh dikonsepsikan sebagai mempunyai dasar yang merujuk kepada bahagian bawah ruwang hati, dan oleh itu sangatlah dalam. Semakin “dalam” sesuatu itu dalam orientasi menegak bekas, semakin tinggi darjat emosi itu. Maka senyuman di dasar hati mencerminkan keikhlasan satu senyuman yang amat tinggi darjat keikhlasannya (14). Begitu juga hati sebagai ruang mempunyai orientasi depan – belakang. Jika apa yang datangnya dari *dasar hati* itu amatlah ikhlas, dan apa yang berada jauh di belakang ruwang hati itu jelas sesuatu yang lebih bermakna:

14. Sebuah senyuman melekat di dasar hati.
15. Lidah orang yang berakal berada di belakang hatinya, manakala hati orang yang bebal berada di belakang lidahnya.

Begitu juga sebagai sebuah bekas, metafora konsepsi LEBIH BANYAK KANDUNGAN (PENUH) ITU LEBIH TINGGI (*INTENSITY*) PERASAAN juga digunakan. Hati yang kosong bermakna tiada perasaan dan tidak ikhlas. Sebagai imej-skema bekas (ruang) boleh disempitkan dan ruang itu juga boleh dibuka atau dibesarkan dengan pengertian yang berbeza-beza:

16. Tempatkanlah mereka di mana tempat tinggal menurut kemampuanmu dan janganlah kamu menyusahkan mereka untuk menyempitkan hati mereka.
17. Bukalah hati kamu untuk menghadapi pengakhiran yang gemilang.

Pemetaforaan hati sebagai ruang juga membolehkan hati *menyembunyi, menyimpan, memendam* dan juga *menenggelamkan* sesuatu perasaan atau emosi. Sememangnya, imej skema hati itu satu bekas yang mempunyai ruang amat produktif. Ungkapan seperti *bertapak di hati, hati yang lapang, meletakkan di hati, hati yang penuh* kekesalan kesemuanya boleh dikaitkan dengan pengkonsepsian hati sebagai bekas yang mempunyai dimensi ruang fizikal.

### 3. Hati Itu Suara Batin

Pengkonsepsian terikat budaya yang memprofilkan *hati* sebagai punca dan sumber emosi juga memprofilkan hati itu sebagai berupaya mempunyai emosi. Ini berlaku kerana hati telah dipersonifikasikan dan boleh melakukan apa yang dilakukan oleh insan seperti *bersuara, bertempik, berkata, berbincang* dan sebagainya. Metafora konsepsi hati itu bagi insan dalaman dengan suatu suara batin memberi peluasan makna kepada hati naluri (*instinct*) dan jiwa serta roh yang terkandung (*consciousness*) dalam hati yang mempunyai pendapat sendiri (yang mungkin berbeza dengan pendapat insan pada zahirnya). Maka hati ini (*the inner self*) berupaya untuk berkomunikasi dengan insan zahir (*the larger self*). Kelakuan komunikasi lain yang boleh dilakukan oleh *hati* termasuklah: *hati berbisik, (bisikan hati), hati berdoa, hati menjerit; keluhan hati, hati sudah bertempik tidak tahan lagi, dalam hati saya bertanya, hati ibu memberitahu, hati berkata, desis hati, berjanji di hati* dan banyak lagi. Kandungan isi hati juga *boleh dicurahkan dan diluahkan* (metafora bekas juga beroperasi di sini) *isi hati*. Begitu juga kita boleh *menyuarakan isi hati, dan mengutarakan bicara hati*. Skema *hati* dalam komunikasi ini boleh juga berlaku antara dua insan yang berbincang secara benar, jujur, ikhlas dan berterus terang tanpa cuba berselindung dengan melakukannya secara *hati ke hati*.

### 4. Emosi Itu Benih/Tumbuhan, Hati Itu Tanah yang Menyuburkan Benih

Sebagai sumber emosi, hati boleh dikonsepsikan sebagai tempat atau lebih tepat, tapak samaian atau batas, tempat sesuatu perasaan atau emosi bercambah dan tumbuh. Metafora konsepsi ini sekali gus menggabungkan dua domain pengalaman asas – alam tumbuhan dan manusia – untuk memahami emosi. Dalam pemetaforaan begini, *hati* bukanlah sebenarnya punca atau sumber emosi, tetapi lebih kepada menjadi tempat emosi itu tumbuh dan bercambah, berbunga dan juga layu serta mati seperti dalam ungkapan *bercambah di hati, bertunas di hati, hati ... mati, hati belum cukup matang, mekar di hati, dan sebagainya*.

### 5. Hati Itu Sumber Ketakwaan, Keazaman, Keinginan

Selain emosi, hati juga merupakan sumber ketakwaan, keazaman dan keinginan. Ungkapan seperti *hati yang beriman, hati beristighfar, berdoa dalam hati, serta cegahlah dengan hati*, memperlihatkan peranan hati

sebagai punca pembangunan kerohanian dan ketakwaan. Begitu juga ungkapan *hati yang suci, seikhlas hati* boleh dikaitkan dengan hati sebagai sumber keimanan dan kerohanian.

Hati juga menjadi sumber inspirasi, tekad dan azam. Hal ini termaktub dalam ungkapan seperti *bulat hati, membara di hati, berazam di hati, bertetap hati, dorongan hati, bertekad di hati*, Keazaman, kemuliaan dan kesabaran adalah nilai-nilai murni yang juga sering dikaitkan dengan hati. Peribahasa *cekal hati, tabah hati, buta hati* semuanya mempunyai kaitan dengan metafora hati itu sebagai sumber keazaman.

Hati sebagai sumber keinginan dimanifestasikan terutamanya dalam ungkapan *suka hati, sesuka hati, ikut hati, turut hati, tunduk kepada hati, tergerak di hati*. Dalam ungkapan seperti ini hati bertindak sebagai agen untuk keinginan dan kemahuan insan. Pemetaforaan ini mempunyai kaitan dengan HATI SEBAGAI SUARA BATIN yang memberikan suara kepada hati untuk menyatakan keinginan. Metafora konsepsi HATI SUMBER KEINGINAN juga menjadi salah satu dalam perbezaan di antara akal, rasional, pemikiran yang lazim diletakkan dalam otak dengan nafsu yang lebih kepada *ikutan hati* yang menjadi sumber keinginan dan kemahuan manusia.

## KESIMPULAN

Analisis yang dilakukan dalam kajian ini memperlihatkan bahawa *hati* sesungguhnya menjadi asas dan domain sumber untuk mengkonsepsikan serta memprofilkan banyak skema dan kategori tentang emosi dan perasaan dalam bahasa Melayu. Skema dan kategori pengkonsepsian dan pemetaforaan *hati* termasuklah hati sebagai bekas buat emosi, keinginan, ketakwaan, keazaman, ingatan, kerohanian, suara batin (*inner self*), dan banyak lagi aspek pengalaman dan perasaan manusia. Ungkapan linguistik yang mencerminkan pengkonsepsian sedemikian juga agak kerap kerana *hati* itu boleh *dibuka, ditutup, dilakukan, dibungkam, ditawan, dimenangi* dan macam-macam lagi. Pengkonsepsian hati sebagai naluri dan insan batin dilihat melalui keupayaan hati itu *berbisik, bertanya, bercakap, berdesis, mendesak, menangis* dan sebagainya. Pengkonsepsian yang kaya ini serta pemetaforaan yang berlaku yang menjadi asas kepada perluasan makna *hati*. Dengan menggunakan kerangka semantik kognitif, kajian ini telah menunjukkan bahawa organ dalaman *hati* menjadi asas pengkonsepsian dan pemetaforaan untuk mewakili pengalaman kognitif, emosi, sosial dan linguistik bagi mereka yang berbahasa Melayu. Pengkonsepsian dan pemetaforaan yang berlaku bukan sahaja bersifat rawak dan arbitrari tetapi



mencerminkan pengkonsepsian terikat budaya.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, “Metaphors of Anatomy as Reflection of Malay Cultural Belief” dlm. *Jurnal Bahasa Jendela Alam* 1, hlm. 7–20, 1996.
- Ibn Sina (Avicenna), <http://www.muslimphilosophy.com/sina/default.htm> (tarikh capaian 5 Julai 2005).
- Jager, E., 2001. *The Book of the Heart*. Chicago: Chicago University Press.
- Johnson, M., 1987. *The Body in the Mind: The Bodily Basis of Meaning, Imagination, and Reason*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Goddard, C., 2001. “Hati: A Key Word in the Malay Vocabulary of Emotion” dlm. Harkins, J. dan Wierbicka, A., (ed.), *Emotions in Crosslinguistic Perspective*. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Imran Ho-Abdullah dan Norsimah Mat Awal, 2005. “Conceptualization of Emotions in Malay: “Hati” (the Liver) as the Source of Emotions”. Kertas kerja dalam 9th International Cognitive Linguistics Conference, Yonsei University, Korea, 18–22 Julai, 2005.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kövecses, Z., 1999. “Metaphor: Does It Constitute or Reflect Cultural Models?” dlm. R.W. Gibbs dan G. J. Steen (eds.), *Metaphor in Cognitive Linguistics*. hlm.167–188. Amsterdam: John Benjamins.
- Kövecses, Z., 2000. *Metaphor and Emotion: Language, Culture and Body in Human Feeling*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lakoff, G. dan Johnson, M., 1980. *Metaphors We Live By*. Chicago: Chicago University Press.
- Lakoff, G. & Johnson, M., 1999. *Philosophy in the Flesh: The Embodied Mind and Its Challenge to Western Thought*. New York: Basic Books.
- Maniyamin Iberhim, “Memahami *World View* orang Melayu melalui Bahasa Metafora” dlm. *Jurnal Bahasa*, Mei 1998.
- Gibbs, R. W., “Taking Metaphor out of Our Heads and Putting It into the Cultural World” dlm. R.W. Gibbs dan G. J. Steen (ed.), *Metaphor in Cognitive Linguistics*, hlm.145–166, 1999. Amsterdam: John Benjamins.
- Gibbs, R.W., dan Steen, G. J. (peny.), 1999. *Metaphor in Cognitive Linguistics*. Amsterdam: John Benjamins.
- Oxford Dictionary of English Etymology*, 1983. Oxford: Oxford University Press.
- Sharifian, F., 2005. “Conceptualisations of Del 17 “heart-stomach” in Persian Sharifian. Kertas kerja dalam 9th International Cognitive Linguistics Conference, Yonsei University, Korea, 18–22 Julai 2005.
- Siahaan, P., 2005. “Did he break your heart or your liver? A Contrastive Study on Metaphorical Concepts from Source Domain ORGAN in English and in Indonesian”. Kertas kerja dalam 9th International Cognitive Linguistics Con-

ference, Yonsei University, Korea, 18–22 Julai 2005.

Yu, N. “Body and emotion: Body Parts in Chinese Expression of Emotion” dlm. *Pragmatics and Cognition* 10:1/2, hlm. 341–367, 2002.

Yu, N. “Metaphor, Body, and Culture: The Chinese Understanding of *Gallbladder* and *Courage*” dlm. *Metaphor and Symbol* 18:1, hlm. 13–31, 2003.

## Lampiran A

## 100 Kolokasi ke kiri hati yang paling kerap

BERHATI	473	MENAMBAT	21	TERTARIK	11
BERPUAS	300	MEMIKAT	20	BERSATU	11
PUAS	280	DARI	19	MENYENTUH	11
DI	160	BERKECIL	19	SEKUAT	11
DALAM	132	MELUKAKAN	19	KECIL	10
SESUKA	111	MEMENANGI	19	PADA	10
DENGAN	75	KE	18	ITU	10
SENANG	53	MENAWAN	18	BERUBAH	10
HATI	52	MENJAGA	18	LUBUK	10
MENYAKITKAN	43	SUDUT	18	MENYAYAT	10
SAMPAI	43	BERMURAH	17	MENYENANGKAN	10
MEMUASKAN	41	KERAS	16	DARIPADA	9
DAN	34	JATUH	16	KATA	9
IRI	33	RELA	16	JUGA	9
BAIK	32	SEPENUH	15	PANAS	9
RASA	30	MAKAN	13	BERBESAR	9
SAGU	30	LUAHAN	13	PINTU	9
SAKIT	29	MENARIK	13	RENDAH	9
MENGAMBIL	28	TAWAR	13	WALAUPUN	8
PERASAAN	27	BISIK	12	ADA	8
SUSAH	24	PENERANG	12	PENUH	8
MENCUIT	22	SUKA	11	TABAH	8
ISI	21	SUARA	11	BUSUK	8

IMRAN HO-ABDULAH DAN NORSIMAH MAT AWAL

BERAT	8	GELI	7	OLEH	5
GERAK	8	KEHENDAK	7	MEMBAWA	5
KETIDAKPUASAN	8	MATA	7	SATU	5
MENGSEMBIRAKAN	8	MEMBUKA	7	AMBIL	5
		MENGGELIKAN	7	BUTA	5
MENYEDAPKAN	8	MENYAKITI	7	DESI	5
MERAH	8	PATAH	7	KEBAIKAN	5
MURAH	8	MEMPUNYAI	6	KEPUASAN	5
PILIHAN	8	MEMBERSIHKAN	6	MELUKAI	5
TETAPI	7	MENGENALI	6	TABAHKAN	5
LAGI	7	MENGHIBURKAN	6		

**Lampiran B**

**100 Kolokasi ke kanan hati yang paling kerap**

DENGAN	334	PEMINAT	20	BUDINYA	11
DAN	246	TIDAK	20	KALAU	11
MEREKA	129	DIA	19	MENGENAI	11
YANG	96	KECILNYA	19	PELANGGAN	11
SAYA	88	RAKYAT	19	ANDA	10
DALAM	81	SUPAYA	19	KAMU	10
KERANA	73	TERBUKA	19	MASYARAKAT	10
DI	65	ATAU	18	MELIHAT	10
TERHADAP	61	BUDI	18	SENDIRI	10
HATI	52	AKU	17	SERTA	10
UNTUK	48	JIKA	17	SETIAP	10
APABILA	44	KAMI	15	DARIPADA	9
KITA	44	KE	15	IALAH	9
INI	42	PARA	15	MENJADI	9
ORANG	41	KATANYA	14	OLEH	9
KECIL	32	MANUSIA	14	PENONTON	9
IBU	25	MASING	14	RAMLI	9
TETAPI	24	MEMILIH	14	TENTANG	9
NURANI	22	ITU	13	BAHAWA	8
SEORANG	22	KEPADA	13	BUKAN	8
ANAK	21	SEMASA	13	JANGAN	8
KETIKA	20	WALAUPUN	13	LALU	8
PADA	20	BILA	11	NAK	8

IMRAN HO-ABDULAH DAN NORSIMAH MAT AWAL

SEBELUM	8	MILA	7	IAITU	6
SEMUA	8	NAMUN	7	MAKA	6
SI	8	SESEORANG	7	NUR	6
SUAMI	8	SUDAH	7	PENDUDUK	6
AGAR	7	TANPA	7	RASA	6
BELIAU	7	TAPI	7	SANUBARI	6
DARI	7	WANITA	7	TOK	6
KATA	7	BAGI	6	TUAN	6
KEDUA	7	CIKGU	6	ADA	5
MAHU	7	IA	6	ADIK	5
MALAH	7				